

# PEMIKIRAN WASATIYYAH DAN PEMINGGIRAN EKSTREMISME DALAM KONTEKS NEGARA MALAYSIA<sup>1</sup>

## [WASATIYYAH THINKING AND MARGINALIZATION OF EXTREMISM IN THE CONTEXT OF MALAYSIA]

HANIF MD LATEH<sup>2</sup>  
MOHD IRMAN MOHD ABD NASIR<sup>3</sup>

### Abstrak

Gagasan Wasatiyyah yang diketengahkan sebagai wahana peringkat Malaysia secara nasional adalah pada tahun 2010 melalui Perdana Menteri pada masa tersebut. Gagasan ini secara amnya bermaksud tidak ekstrem. Seiring dengan slogan dan pembumian sifat Wasatiyyah dalam kalangan warga Malaysia adalah sangat sesuai dengan gelombang perkembangan kumpulan ekstremis yang berteraskan agama. Rekod tangkapan oleh pihak Polis Diraja Malaysia antara tahun 2013 hingga 2019 adalah mencecah 400 orang. Pada tahun 2018, seramai 73 orang banduan yang telah disabitkan kesalahan dengan keganasan dan ditangkap di bawah SOSMA, manakala pada tahun 2020, terdapat pertambahan iaitu menjadi 81 orang. Justeru, pengakaran konsep Wasatiyyah secara nasional boleh mengimbangi faktor penglibatan dalam pemikiran ekstremisme. Justeru, kajian ini akan membuat komparatif terhadap asas konsep Wasatiyyah yang disemai dalam acuan Malaysia terhadap faktor penglibatan rakyat Malaysia terhadap ekstremisme khususnya dari kalangan B40. Kajian ini adalah jenis kualitatif dengan pendekatan analisis kandungan. Pengumpulan data dibuat dengan merujuk pada sumber berkait gagasan Wasatiyyah. Selanjutnya, data faktor penglibatan temu bual terhadap bekas tahanan dan banduan yang ditahan atau disabitkan dengan SOSMA, Kanun Keseksaan, POTA atau POCA. Seramai lima bekas tahanan, dan 31 banduan ditemu bual. Data telah ditriangulasi menggunakan sumber primer, temu bual terhadap seramai dua panel deradikalasi, seorang pegawai polis berpangkat *Deputy Superintendent* bahagian E8. Kajian dianalisis menggunakan pendekatan tematik dan kesahan melalui dapatan silang *intercoder*. Secara keseluruhan, dalam konsep Wasatiyyah yang dikeluarkan adalah berasaskan prinsip dalam Islam. Sementara itu, bagi faktor penglibatan, kajian mendapati terdapat sembilan faktor yang menjadi basis dalam penglibatan golongan B40. Kesemua faktor ini mempunyai kaitan antara satu sama lain dan memerlukan langkah pencegahan jangka pendek dan panjang. Justeru, komparatif antara prinsip Wasatiyyah yang dikemukakan mempunyai kaitan setelah dianalisis secara silang. Penguasaan prinsip Wasatiyyah akan berjaya meminggirkan ekstremisme. Oleh itu, kajian ini mendokong usaha pemupukan sifat Wasatiyyah untuk diterapkan dalam setiap lapisan

<sup>1</sup>Kertas Kerja ini telah dibentang untuk Seminar Internasional Strategi Penguatan Moderasi Beragama, 26 Oktober 2022, Anjuran Jakarta Islamic Centre.

<sup>2</sup>Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu. MALAYSIA.

<sup>3</sup>Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

#### Corresponding Author:

HANIF MD LATEH, Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu. MALAYSIA.

E-mail: hanifjunid@unisza.edu.my

masyarakat, khususnya golongan B40 yang merupakan pihak majoriti terpengaruh dengan gerakan ekstremisme.

**Kata Kunci:** Wasatiyyah, Faktor penglibatan, Kelas bawahan, ekstremisme agama, ekstremis Muslim

### Abstract

The concept of Wasatiyyah, introduced as a national platform in Malaysia, was initiated in 2010 by the then Prime Minister. In general, this concept advocates for non-extremism. Promoting the slogan and embedding the values of Wasatiyyah among Malaysian citizens is highly relevant in light of the rise of extremist groups based on religion. Records of arrests by the Royal Malaysia Police between 2013 and 2019 reached up to 400 individuals. In 2018, a total of 73 convicts involved in violent crimes were arrested under the Security Offences (Special Measures) Act (SOSMA), and in 2020, this number increased to 81 individuals. Therefore, the establishment of the Wasatiyyah concept on a national level can counterbalance the factors contributing to involvement in extremist ideologies. As a result, this study aims to conduct a comparative analysis between the fundamental principles of Wasatiyyah ingrained in the Malaysian context and the factors influencing the involvement of Malaysian citizens, particularly those from the B40 group, in extremism. This qualitative study employs a content analysis approach. Data collection is conducted by referring to relevant sources on the concept of Wasatiyyah. Furthermore, data on the factors influencing involvement are obtained through interviews with former detainees and convicts detained or convicted under SOSMA, the Penal Code, the Prevention of Terrorism Act (POTA), or the Prevention of Crime Act (POCA). Five former detainees and 31 convicts were interviewed. The data were triangulated using primary sources and interviews with two deradicalization panelists and a Deputy Superintendent-ranked police officer from the E8 division. The study analyzes the data thematically and ensures validity through intercoder cross-findings. Overall, the concept of Wasatiyyah is based on Islamic principles. As for the factors influencing involvement, the study identifies nine factors that serve as the basis for the involvement of the B40 group. All these factors are interconnected and require short-term and long-term preventive measures. Therefore, a comparative analysis between the proposed principles of Wasatiyyah and the findings is conducted. The mastery of Wasatiyyah principles can effectively marginalize extremism. Consequently, this study supports efforts to instill the values of Wasatiyyah across all segments of society, particularly among the B40 group, which represents the majority affected by extremist movements.

**Keywords:** Wasatiyyah, Factors of involvement, Lower class, religious extremism, Muslim extremists

**Cite This Article:**

Hanif Md Lateh & Mohd Irman Mohd Abd Nasir. (2022). Pemikiran wasatiyyah dan pemenggiran ekstremisme dalam konteks negara Malaysia. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 4(4), 1-11.

## PENGENALAN

Perdana Menteri kelima iaitu Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak dalam bulan September 2010 telah mengumumkan gagasan wasatiyyah sebagai satu prinsip yang menyokong gagasan 1 Malaysia. Inti utama gagasan wasatiyyah adalah untuk mengimbangi multi etnik di Malaysia (Wan Kamal et al. 2015). Gagasan wasatiyyah turut dikaitkan semula oleh Perdana Menteri kesembilan Dato' Seri Ismail Sabri dalam ucapan beliau pada 7 April 2022 bersempena sambutan Hari al-Azhar Sedunia secara dalam talian. Ucapan tersebut dilaporkan menggariskan keselarian antara konsep wasatiyyah dengan gagasan Keluarga Malaysia yang diperkenalkan beliau (Rohaniza & Mohd Iskandar, 2022). Kedua-dua Perdana Menteri yang membawa bersama gagasan 1 Malaysia dan Keluarga Malaysia adalah bertujuan menjaga keharmonian kaum, mengelakkan perpecahan dan perlakuan ekstremisme dalam kalangan rakyat Malaysia.

Sementara itu, gelombang ekstremisme berkait dengan agama di peringkat global telah bermula lama. Antaranya adalah tahun 1992 misalannya, pergerakan ekstremis Hindu telah menyerang orang Islam dan meruntuhkan masjid dalam peristiwa runtuhan Masjid Babri yang terletak di Ayohdya, India (Latifah, 2019: 67-68). Sementara itu, ekstremis Yahudi juga tercatat dalam sejarah menu buhukan kerajaan haram Israel berdasarkan falsafah zionisme yang ekstrem di samping mengenakan dasar aparteid terhadap umat Islam sejak negara itu ditubuhkan pada tahun 1948. Di Amerika Syarikat, sekitar abad ke 19 dan 20, wujud pergerakkan Kristian berdasarkan perkauman dan anti-semitisme yang keras dan ganas. Berpaksikan kepada falsafah ‘white people are God’s chosen race’ telah menggerakkan kumpulan ekstremis Krisitian ‘Ku Klux Klan’ dengan membunuh kaum kulit hitam khususnya di Selatan Amerika Syarikat.

Dianggarkan sekitar 3,724 menjadi mangsa pembunuhan tanpa bicara dan empat per lima daripadanya adalah orang kulit hitam (James, 2010: 13) Ekstremis Buddha pula menyokong kegiatan pembersihan etnik oleh Junta Tentera Myanmar terhadap masyarakat Rohingya di wilayah Rakhine. Gerakan 969 oleh sami yang antara pemimpinnya, Wirathu, menyebabkan tertubuhnya gerakan nasionalis anti-Islam yang mendesak pengikut Buddha memboikot perkhidmatan dan perdagangan Muslim. Wirathu juga digelar pada waktu itu oleh akhbar Time sebagai ‘The Face of Buddhist Terror’. Bagi masyarakat Islam pula kegiatan militan seperti al-Qaeda, Daesh dan sebagainya adalah contoh kumpulan ekstremisme agama yang diketahui umum (Latifah, 2019: 67-68).


Oleh itu, konsep wasatiyyah yang diseru secara global pada awalnya oleh Malaysia dalam ucapan Perdana Menteri di persidangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di Amerika dan dalam Sidang Kemuncak Asia Eropah di Brussels pada tahun 2010. Seruan di peringkat global ini pada prinsipnya merupakan respon pada kebangkitan golongan ekstremis khususnya ekstremisme berkaitan agama. Oleh itu, percubaan Malaysia mempopularkan konsep wasatiyyah pada masa tersebut adalah antara tujuannya untuk mengendurkan krisis dan respon terhadap kemunculan semula gerakan ekstremis di persada antarabangsa.

## KONSEP WASATIYYAH ACUAN MALAYSIA

Setelah percubaan mempopularkan prinsip wasatiyyah (keseimbangan) oleh Malaysia semenjak tahun 2010, pelbagai kajian dan hasil penyelidikan telah diusahakan dalam

memberikan tafsiran terhadap wasatiyyah. Walaupun sebelum dari sebutan konsep ini oleh Dato' Seri Mohd Najib, pelbagai pandangan tentang perkataan ini telah diberikan ulama terdahulu. Antaranya adalah al-Qaradawi yang menyatakan: wasatiyyah adalah sesuatu yang memerlukan hak yang sewajarnya iaitu memberikan hak yang sepatutnya dengan mengambil jalan tengah agar tidak melampaui batas-batas syariat Islam (al-Qaradawi, 1997). Perkataan wasatiyyah ini berasal dari kata akar wasata yang mempunyai sebutan jelas dalam al-Qur'an. Justeru, perkataan wasata telah diberikan tafsiran oleh ulama terdahulu dengan pelbagai pandangan. Antara ulama yang telah memberi tafsiran perkataan wasata adalah al-Qurtubi, al-Tabari, Ibn Kathir, Sayyid Qutb dan lain-lain (Mohd Shukri, 2014). Secara keseluruhan, perbincangan tentang wasatiyyah dan penerapannya telah dibuat secara meluas. Sementara itu dalam konteks Malaysia, perbincangan mengenai wasatiyyah sering sahaja dikaitkan secara langsung dengan gagasan 1 Malaysia. Hal ini disebabkan gagasan 1 Malaysia adalah induk yang cuba diterapkan dengan membawa masuk konsep wasatiyyah.

Berdasarkan perbincangan sarjana secara langsung mengenai idea wasatiyyah atau wassatiyyah yang dikaitkan sebagai penerapan dalam melaksanakan 1 Malaysia, dapat disimpulkan bahawa idea wasatiyyah dalam rangka Malaysia adalah bersifat luas dan mencakupi kesemua aspek utama kehidupan. Rumusan terhadap hal ini boleh diambil sepertimana yang diulas oleh Ismail (2011), Mohd Shukri (2014), Mohd Kamal Hassan (2015), Wan Kamal et al. (2015), Muhamadul Bakir & Khadijah Othman (2017). Rangkuman tersebut membawa pada rajah berikut:



Rajah 1: Kerangka Pemikiran Wasatiyyah

## **FAKTOR PENGLIBATAN RAKYAT MALAYSIA DALAM EKSTREMISME**

Menerusi kajian Mohd Irman & Hanif (2022) dan Mohd Irman et al. (2019), terdapat banyak faktor yang mendorong golongan B40 terpengaruh terhadap gerakan ekstremisme. Terdapat

empat faktor yang dapat dipinggirkan dengan memahami serta menghayati konsep wasatiyyah. Empat faktor ini akan disebut satu persatu dalam perbincangan berikutnya.

### ***Self Threat (Rasa terancam)***

Boleh dikatakan setiap peserta kajian mempunyai perasaan seperti ini. *Self Threat* bermaksud, merasai keterancaman. Terancam ini bukan sekadar fizikal diri, malahan ia berkait dengan aspek yang paling hampir dengan diri ekstremis seperti agama dan bangsa (Mohd Irman et al., 2020). Dalam konteks ini, diri peserta kajian merasakan agama mereka terancam disebabkan penindasan yang dilakukan terhadap umat Islam. Kesemua peserta kajian mempunyai pandangan yang sama iaitu mereka merasakan bahawa umat Islam sedang ditindas. Keadaan ini telah melahirkan perasaan marah, dendam dan simpati dalam kalangan peserta kajian.

### **Kefahaman agama**

Berdasarkan kajian ini, dapatan awal mendapati kesemua peserta kajian mempunyai tahap pemahaman terhadap ajaran Islam yang sangat rendah. Kefahaman agama yang rendah ini menjadikan golongan ini mudah terdedah terhadap pemikiran positif atau negatif. Golongan ini tidak mampu untuk menganalisis sesuatu maklumat berkaitan agama dan mengaitkannya dengan maqasid syariah. Contohnya dalam isu jihad di Syria, kebanyakan peserta kajian menganggap adalah menjadi tanggungjawab utama untuk membantu rakyat di Syria tanpa mengira tanggungjawab di tanah air sendiri.

Selain itu, disebabkan kefahaman agama yang rendah, maka golongan ini mudah dipesongkan dengan dalil yang membangkitkan semangat jihad contohnya seperti kepercayaan terhadap kemunculan Imam Mahdi di Syria yang bermula dengan kebangkitan mujahideen di Syria dan Iraq. Selain itu, golongan ini turut menganggap sistem yang diamalkan di Malaysia adalah rosak, sekular dan tidak menepati Islam. Oleh yang demikian, sistem di Malaysia adalah salah dan *taghut* (melampaui batas/ kejahatan). Atas faham sebegini juga melahirkan golongan yang berhasrat mewujudkan negara Islam serta sistem khalifah sebagai ojektif perjuangan.

### **Pengaruh dan peranan media sosial**

Media sosial bagi pendapat pengkaji menjadi antara punca utama kepada ekstremisme. Media sosial adalah alat yang paling utama dan berkesan untuk menyampaikan mesej ekstremis serta menyemarakkan fahaman ekstremis.

Pengaruh internet ini juga turut disokong dengan data yang diperolehi daripada PK banduan sebagaimana berikut:

**Jadual 1: Faktor Pengaruh Media Massa Digital di kalangan PK Banduan**

<b>Kod PK</b>	<b>Pandangan PK</b>
PK-PEN 23	Saya terpengaruh dengan maklumat-maklumat di dalam internet
PK-PEN 26	Saya terpengaruh dengan maklumat-maklumat di dalam internet
PK-PEN 27	Saya terpengaruh dengan maklumat-maklumat di dalam internet
PK-PEN 31	Tiada respon

Antara jenis bahan yang dirujuk oleh PK banduan adalah seperti Facebook, Telegram, internet dan pelbagai laman web. Ini seperti jadual di bawah:

**Jadual 2: Jenis Bahan Rujukan yang Digunakan di kalangan PK Banduan**

<b>Kod PK</b>	<b>Pandangan PK</b>
PK-PEN 23	Internet
PK-PEN 26	Facebook Telegram Internet
PK-PEN 27	Facebook Telegram Pelbagai laman web
PK-PEN 31	Facebook

Manakala jenis pautan (link) yang dirujuk oleh PK banduan adalah sememangnya pautan yang sangat berkait dengan gerakan militan dan jihad. Ini sebagaimana maklumat dalam jadual di bawah:

**Jadual 3: Jenis Pautan yang Dirujuk di kalangan PK Banduan**

<b>Kod PK</b>	<b>Pandangan PK</b>
PK-PEN 23	AL-AZAM MEDIA
PK-PEN 26	ISDARAT.TV
PK-PEN 27	<ul style="list-style-type: none"> <li>• REVOLUSI ISLAM</li> <li>• GHURABA</li> </ul>
PK-PEN 31	PANJI HITAM

Antara judul bacaan yang digemari dibaca oleh PK banduan adalah sebagaimana berikut:

**Jadual 4: Judul Bacaan yang Dibaca di kalangan PK Banduan**

<b>Kod PK</b>	<b>Pandangan PK</b>
PK-PEN 23	DARI USAMA KEPADA PARA AKTIVIS
PK-PEN 26	DABIQ, RUMIYAH (PDF)
PK-PEN 27	REVOLUSI ISLAM (FACEBOOK), RAKYAT MALAYSIA BERSAMA REVOLUSI ISLAM (FACEBOOK), revolusi islam.com
PK-PEN 31	TENTERA PANJI HITAM

**Kecelaruan Ilmu**

Kecelaruan ilmu ini adalah berlaku khusus kepada golongan yang sudah mendapat pendidikan agama Islam. Agak menghairankan jika mendapati golongan yang berpendidikan Islam ini turut terlibat dalam kegiatan ekstremisme. Salah satu contoh kes adalah seperti yang berlaku kepada salah seorang pensyarah di universiti terkemuka di Malaysia yang terlibat dengan perang di Syria. Bahkan disepanjang temu bual, peserta kajian ada menjelaskan bahawa terdapat di kalangan yang ditangkap bersama mereka bekas pelajar Universiti al-Azhar.

Dalam kajian ini terdapat peserta kajian yang mempunyai tahap pendidikan Islam yang tinggi iaitu peserta kajian D. Namun demikian kajian mendapati bahawa, peserta kajian ini mempunyai kecelaruan dari sudut perbahasan ilmu Islam khususnya dalam konteks Tafsir al-Quran, Hadis dan Akidah. Contohnya beliau turut berpegang dengan kebangkitan Imam Mahdi di Syria yang membawa kepercayaan kepada dirinya untuk berkhidmat di Syria.

**Jadual 5: Faktor Kecelaruan Ilmu dalam kalangan PK Banduan**

<b>Kod PK</b>	<b>Pandangan PK</b>
PK-PEN 23	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerajaan yang sekuler adalah kerajaan yang taghut dan kafir</li> <li>• Kita perlu menengakkan khalifah Islam dan negara Islam</li> <li>• Imam Mahdi akan muncul di Syria</li> <li>• Kita hidup dalam dunia yang penuh dengan konspirasi Dajjal dan Yahudi Zionis</li> <li>• Saya mengejar syahid untuk mendapatkan syurga</li> <li>• Peperangan adalah satu-satunya cara untuk menegakkan Islam dengan cepat</li> </ul>
PK-PEN 26	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kita perlu menengakkan khalifah Islam dan negara Islam</li> </ul>
PK-PEN 27	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerajaan yang sekular adalah kerajaan yang taghut dan kafir</li> <li>• Kita perlu menengakkan khalifah Islam dan negara Islam</li> <li>• Imam Mahdi akan muncul di Syria</li> <li>• Kita hidup dalam dunia yang penuh dengan konspirasi Dajjal dan Yahudi Zionis</li> <li>• Saya mengejar syahid untuk mendapatkan syurga</li> <li>• Peperangan adalah satu-satunya cara untuk menegakkan Islam dengan cepat</li> <li>• Demokrasi adalah syirik <i>akbar</i></li> </ul>
PK-PEN 31	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kita perlu menengakkan khalifah Islam dan negara Islam</li> <li>• Imam Mahdi akan muncul di Syria</li> <li>• Kita hidup dalam dunia yang penuh dengan konspirasi Dajjal dan Yahudi Zionis</li> <li>• Saya mengejar syahid untuk mendapatkan syurga</li> </ul>

## PEMINGGIRAN EKSTREMISME MENERUSI GAGASAN WASATIYYAH

Gagasan wasatiyyah pada dasarnya bertentangan dan akan meminggirkan kriteria berikut:

- a. Melampau (Ghulluw/Excessive)
- b. Keterlaluan (Tatarruf/Obsessive)
- c. Fanatik dan Taksub (Fanaticism and Obsession)

Justeru, empat faktor yang diketengahkan iaitu:



Rajah 2: Faktor Penglibatan Kegiatan Ekstremisme

Jika penelitian dibuat terhadap faktor yang dinyatakan di atas, rasa terancam adalah berdasarkan perasan simpati yang lahir terhadap penindasan umat Islam. Penindasan yang berlaku seperti di Palestin, Myanmar dan lain-lain merupakan realiti yang sebenarnya berlaku. Bagaimanapun, golongan yang terpengaruh mengambil realiti dengan perasaan dendam dan marah. Kedua sifat ini menimbulkan perasaan asas untuk meneroka apakah bentuk peranan yang boleh dijalankan sebagai individu. Bagaimanapun, penerokaan ini membawa pada pemilihan wadah perjuangan yang salah.

Faktor kedua iaitu kefahaman agama turut mempunyai kaitan langsung dengan rasa terancam yang diketengahkan di atas. Golongan yang terlibat secara majoriti tidak mempunyai kefahaman agama yang cukup untuk menilai sesuatu prinsip atau wadah yang sedang dihadapi. Kekeliruan berlaku sama ada untuk menerima atau menolak suatu prinsip baharu yang diperkenalkan. Faktor ini boleh dihubungkan dengan perkara keempat iaitu keceluaran ilmu. Keceluaran ilmu pada maksudnya adalah tidak boleh memproses prinsip atau nilai yang diterima pada suatu masa. Golongan ini tidak dapat membuat kepastian apakah pandangan diri terhadap nilai atau prinsip baharu tersebut.

Faktor ketiga pula adalah pengaruh yang datang dari media sosial. Eksplorasi ke dalam dunia media sosial adalah menerusi rasa terancam yang datang pada peringkat awal. Pendedahan terhadap kezaliman yang berlaku ke atas umat Islam mendorong eksplorasi ini berlaku. Sekaligus dengan itu, golongan ini dihidangkan dengan dua keadaan, pertama diambil kesempatan oleh penyebar fahaman untuk diberikan pautan prinsip dan nilai baharu dalam perjuangan. Kedua, golongan ini mencari kaedah untuk membantu perjuangan berasaskan sifat dendam dan marah yang timbul.

Justeru, berdasarkan semua faktor dan situasi yang datang di atas, pemunggiran terhadap ekstremisme dengan menolak faktor di atas dapat dilakukan. Penolakan ini berasaskan semaiyan prinsip wasatiyyah yang intipatinya akan menolak sifat melampau, keterlaluan dan fanatik. Nilai wasatiyyah yang merangkumi keadilan, seimbang, syumul dan berkualiti. Menerusi keempat-empat nilai yang tertera, ia akan dapat menapis prinsip dan nilai yang mendatangi setiap seorang muslim atau non muslim. Jika kita dibekalkan dengan satu daripada nilai wasatiyyah sahaja sudah memadai. Penerapan nilai keadilan misalnya merupakan nilai yang bermaksud meletakkan sesuatu pada tempat, atau melakukan sesuatu bersesuai dengan keadaan. Prinsip ini secara lanjutan merupakan gesaan terhadap tindakan kita dalam penerimaan maklumat. Penerimaan maklumat dalam kes golongan ekstremis adalah prinsip atau nilai baharu yang tidak dapat ditapis dengan baik. Bagaimanapun, dengan pendekatan keadilan, pihak penerima perlu mendapatkan maklumat kedua dan ketiga sebelum membuat sesuatu keputusan dan tindakan. Selain itu, dengan nilai keadilan juga, golongan yang terlibat dengan faktor rasa terancam akibat dari menerima maklumat berkaitan dengan penindasan ke atas muslim di seluruh dunia juga boleh diseimbangkan. Nilai keadilan yang telah diterapkan akan menjadikan penerima maklumat penindasan mencari apakah tindakan yang telah dilakukan di sebagai respon di peringkat dunia terhadap penindasan tersebut. Selain itu, penerima maklumat juga akan mencari maklumat kedua tentang sekatan dan halangan yang tidak membolehkan perjuangan secara langsung dibuat. Justeru, bersesuaian dengan nilai wasatiyyah akan dapat meminggirkan ekstremisme pada peringkat awal penularannya.

## KESIMPULAN

Berdasarkan analisis dan dapatan kajian, dapat disimpulkan bahawa ekstremisme agama adalah suatu keadaan di mana seseorang itu ingin mempertahankan suatu elemen yang dianggap paling bernilai dan berharga dalam hidupnya (seperti nilai agama) melalui jalan yang salah seperti secara radikal dan keganasan serta tidak diterima oleh majoriti manusia yang seagama dengannya. Seseorang itu tidak akan menjadi ekstremisme melainkan didorong oleh beberapa faktor seperti kurang kefahaman agama, kecelaruan agama, status sosioekonomi yang rendah, baru mula mencari jalan kepada tuhan, pengaruh pendakwah, pengaruh media dan salah mencari rujukan.

Selain daripada itu, kajian ini juga mendapati, *faktor self threat*, iaitu perasaan terancam disebabkan agama Islam ditindas adalah satu faktor yang paling utama. Ini kerana perasaan keterancaman ini mempunyai kekerapan yang tinggi dalam temu bual. Tambahan pula, setiap peserta kajian yang ditemu bual mempunyai perasaan ini iaitu marah, sedih dan simpati dengan nasib yang menimpa umat Islam. Dapat disimpulkan bahawa, seseorang yang mempunyai

perasaan ini adalah berkemungkinan akan menuju ke arah ekstremisme. Faktor ini dianggap sebagai awalan yang berlaku terhadap semua umat Islam. Bagaimanapun, faktor ini dapat ditangani secara individu jika ditapis sebaiknya oleh penerima maklumat awal dengan berteraskan nilai wasatiyyah.

Justeru, secara positif pengkaji mendapati bahawa nilai wasatiyyah yang dibawa dalam kerangka global dan Malaysia mempunyai kemampuan untuk menjadi teras pada setiap individu. Penerapan nilai ini merupakan langkah yang panjang tetapi ampuh bagi memastikan individu muslim khususnya memiliki nilai yang sewajarnya. Pemilikan nilai akan mampu memastikan pemunggiran ekstremisme berlaku walaupun dalam kalangan kelas bawahan.

## PENGHARGAAN

Kajian ini adalah bersumberkan geran penyelidikan FRGS Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia yang bertajuk: “PEMBINAAN INDIKATOR PENGESANAN PRA PENGLIBATAN EKSTREMISME DI MALAYSIA (FRGS/1/2019/SS06/UNISZA/02/1) di bawah pengurusan Pusat Pengurusan Kecemerlangan & Inkubator Penyelidikan (CREIM) dan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan projek penyelidikan ini.

## RUJUKAN

- Dewan Rakyat. (2017). Parlimen Ketiga Belas, Penggal Kelima, Mesyuarat Pertama. [http://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-04042017%20\(2\).pdf](http://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-04042017%20(2).pdf). [Diakses 10 Mei 2019].
- Ismail Ibrahim. (2012). Konsep wasatiyyah: perspektif Islam. *Kerja kerja Konvensyen Wasatiyyah*, 9 Jun.
- James, Otto. (2010). *Religious Extremism*. London: Evans Brothers Limited.
- Latifah Arifin. (2019). Ekstremisme Tidak Mengenal Agama. Berita Harian <http://ptsldigital.ukm.my:8080/vital/access/services/Download/ukmvital:107971/Source01?view=true> [Diakses: 18 Mei 2021].
- Mansor Mohd Noor. (2005). Memahami dan Mengurus Ekstremisme Agama di Malaysia. *Rekayasa Journal of Ethics, Legal and Governance*, 5(1), 97-117.
- Mohd Irman Abd Nasir & Hanif Md Lateh. (2022). Faktor penglibatan golongan dalam kegiatan ekstremisme DAESH di Malaysia. *Kertas kerja Kolokium Pencegahan Ekstremisme & Radikalisme Peringkat Kebangsaan*, 19-20 Oktober, Bangi.
- Mohd Irman Abd Nasir, Hanif Md Lateh, Rahimah Embong & Muhamad Azuan Khairudin. (2019). Penglibatan Ekstremisme dalam Kalangan Masyarakat Kelas Bawahan di Malaysia. *Asian Journal of Civilizational Studies*, 1(1): 33-54.
- Mohd Irman Mohd Abd Nasir. (2016). Pengembangan Kelas Menengah India Muslim dan Peminggiran Ekstremisme di Malaysia. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mohd Irman Mohd Abd Nasir, Hanif Md Lateh, Rahimah Embong, Aman Daima Md Zain & Zaizul Ab Rahman. (2020). Marginalizing Extremism among Middle-class Citizens in Malaysia. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, 24(05), 2462-2472.
- Mohd Kamal Hassan. (2015). The need to understand al-Wasatiyyah as part of IIUM's mission of Islamisation.  
[http://irep.iium.edu.my/32718/1/NO\\_102\\_PRESENTATION\\_ON\\_WASATIYYAH-AL\\_LIQAH.pdf](http://irep.iium.edu.my/32718/1/NO_102_PRESENTATION_ON_WASATIYYAH-AL_LIQAH.pdf) [Diakses: 20 Oktober 2022]
- Mohd Shukri Hanapi. (2014). The Wasatiyyah (Moderation) Concept in Islamic Epistemology: A Case Study of its Implementation in Malaysia. *International Journal of Humanities and Social Science*, 4(9), 51-62.
- Muhammadul Bakir & Khadijah Othman. (2017). Wasatiyyah sebagai satu pendekatan strategik ke arah kesejahteraan dan keharmonian masyarakat. *Jurnal Persatuan Kaunselor Pendidikan Malaysia*, 3,15-27.
- Muhammad Aminuralif Mohd Zoki. (2019). *Tangkapan Daesh Tunjukkan Penurunan Tahun 2018.* <https://www.sinarharian.com.my/article/7698/BERITA/Nasional/Tangkapan-Daesh-tunjukkan-penurunan-tahun-2018>. [Diakses: 23 Mei 2019].
- Peserta kajian A. (2018). *Indeks Penglibatan Masyarakat Kelas Bawahan dalam Kegiatan Ekstremisme di Malaysia*, Johor Bharu. Temu bual, 23 Disember 2018.
- Peserta kajian B. (2018). *Indeks Penglibatan Masyarakat Kelas Bawahan dalam Kegiatan Ekstremisme di Malaysia*, Johor Bharu. Temu bual, 23 Disember 2018.
- Peserta kajian D. (2019). *Indeks Penglibatan Masyarakat Kelas Bawahan dalam Kegiatan Ekstremisme di Malaysia*, Kuala Lumpur. Temu bual, 15 Februari 2019.
- Rohaniza Idris & Mohd Iskandar Ibrahim. (2022). Al-Wasatiyyah selaras keluarga Malaysia. *Berita Harian*, 7 April.
- Wan Kamal Mujani, Ermy Azziaty Rozali & Nor Jamaniah Zakaria. (2015). The Wasatiyyah (Moderation) Concept: Its Implementation in Malaysia. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6(4), 66-72.
- Wan Ruzailan Wan Mat Rusoff. (2019). *Indeks Penglibatan Masyarakat Kelas Bawahan dalam Kegiatan Ekstremisme di Malaysia*, Kuala Lumpur. Temu bual, 2 Februari 2019.
- Yusuf al-Qaradawi. (1997). *Wasatiyyah al-Islam*. Dlm. Islam Moderate Legislation for Progressive Nation. Terj. Ahmad Umar Hisyam & Muhammad Higab. Cairo: al-Azhar.